



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA DI WPKL (EDISI 2020)



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1. TUJUAN	1
2. OBJEKTIF	2
3. SKOP	2
4. DEFINISI	3
5. KEPERLUAN KELULUSAN PERANCANGAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI TASKA	3
6. DASAR PERANCANGAN	4
7. GARIS PANDUAN PERANCANGAN	5 - 17
8. MAKLUMAN MENGENAI KEHENDAK JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	18 - 20
9. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	21 - 22
10. TARIKH KUAT KUASA	23

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Perancangan Bagi Penubuhan Taska di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini disediakan bagi memudahkan pengusaha mengenalpasti kehendak perancangan yang perlu dipatuhi sebelum mengemukakan permohonan kebenaran perancangan ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kelulusan perancangan adalah diperlukan bagi menjalankan aktiviti Taska selaras dengan Seksyen 19 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, (Akta 267).

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

2.0 OBJEKTIF

- i) Memastikan pengusaha Taska mendapat maklumat lengkap mengenai prosedur kelulusan perancangan bagi pembangunan Taska yang dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ii) Memastikan pengusaha Taska menjalankan aktiviti mengikut garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- iii) Memastikan keperluan perancangan yang telus dan konsisten dalam mempertimbangkan permohonan bagi menjalankan aktiviti Taska.

3.0 SKOP

Garis panduan ini hanya terpakai bagi permohonan penubuhan Taska yang lazimnya melibatkan penukaran kegunaan bangunan / ruang lantai untuk tempoh terhad selaras dengan Kaedah-kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah & Bangunan)(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

4.0 DEFINISI

Berdasarkan Seksyen 2 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Taska didefinisikan sebagai ***“mana-mana premis yang menerima empat orang atau lebih kanak-kanak berumur kurang dari 4 tahun, selain daripada satu isi rumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah”***.

5.0 KEPERLUAN KELULUSAN PERANCANGAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI TASKA

Kelulusan perancangan diperlukan bagi menjalankan aktiviti Taska di WPKL selaras dengan Seksyen 19 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, (Akta 267). Keperluan ini tidak terpakai bagi mana-mana ruang lantai yang telah dikhaskan bagi tujuan Taska dalam pelan kelulusan keseluruhan.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

6.0 DASAR DAN PERUNDANGAN

i. Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2020

“DBKL akan mengalakkan penyediaan pelbagai kemudahan masyarakat oleh pihak swasta sebagai alternatif pelaburan”.

ii. Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018

Taska berada di dalam Kelas Kegunaan A4 iaitu Rumah Jagaan yang merujuk kepada apa-apa jenis unit kediaman yang digunakan sebagai kemudahan untuk orang kurang upaya, warga emas, kanak-kanak atau kumpulan orang lain yang memerlukan penjagaan, perhatian atau pengawasan yang lebih yang tidak berkaitan dengan atau bukan sebahagian daripada mana-mana kemudahan jagaan kesihatan.

ii. Dasar JPKB bertarikh 19.1.1989 mengenai Taska

“Dalam kelulusan Taska, perhatian utama hendaklah diberi terhadap cara susunatur dan pemasangan alat-alat kelengkapan di dalam premis Taska itu supaya keselamatan kanak-kanak terjamin dan supaya sebarang kemalangan tidak berlaku”.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN

7.1 Zon Kegunaan Tanah

Zon Kegunaan Tanah	Penerangan
Zon Kegunaan Tanah Yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none">i. Zon Institusiii. Zon Kemudahan Masyarakatiii. Zon Perdagangan Pusat Bandarayaiv. Zon Perdagangan Utamav. Zon Perdaganganvi. Zon Perdagangan Tempatanvii. Zon Pembangunan Bercampurviii. Zon Industriix. Zon Kediaman 1x. Zon Kediaman 2xi. Zon Kediaman 3xii. Zon Kampung Tradisionalxiii. Zon Perumahan Stabilxiv. Zon Perumahan Awam

Nota : Rujuk Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018 (tertakluk kepada pindaan)

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.2 Sudut Perancangan

- i. Penukaran kegunaan kepada taska untuk **600 unit** kediaman mengikut kawasan (catchment area).
- ii. Jarak minimum antara taska dalam satu laluan yang sama adalah **150 meter**.
- iii. Kegunaan Taska tidak boleh bercampur dengan aktiviti lain. Bagi unit kediaman sesebuah bersaiz besar, Taska boleh beroperasi dengan pusat jagaan lain sekiranya boleh mengadakan pintu masuk dan kemudahan berasingan.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

CONTOH : KEPERLUAN TASKA DI TAMAN PERUMAHAN XXX



Bilangan Unit Kediaman bagi Taman Perumahan XXX : 1,210 unit kediaman

Kadar Penentuan Bilangan Taska :

1 unit taska diperlukan bagi 600 unit kediaman.

Bilangan Kediaman di Taman XXX = 1,210 unit

Maka : Keperluan Taska di Taman XXX ialah :

$$\frac{1,210 \text{ unit}}{600} = 2 \text{ Taska}$$


GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)


7.3 Jenis Premis Yang Dibenarkan

Bil	Jenis Bangunan	Penerangan
1	Kediaman	<p>i. Rumah banglo lot sudut (corner lot).</p> <p>ii. Rumah banglo lot tengah (intermediate lot) boleh dipertimbangkan sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none">• Jalan keluar masuk ke lot berkenaan adalah dari jalan susur dan tidak terus dari jalan utama• Mempunyai keluasan lot yang cukup besar dengan kelebaran bukaan (frontage) tidak kurang 60 kaki. <p>iii. Rumah berkembar lot sudut (corner lot).</p> <p>iv. Rumah teres lot sudut (corner lot).</p> <p>v. Rumah pangsa/ pangsapuri/ pangsapuri servis/ SOHO (dengan syarat ruang tersebut bukan unit kediaman)</p>

Pelan Susunatur Perumahan Banglo


(Rumah Banglo Lot Sudut dibenarkan untuk aktiviti Taska)



 Rumah Banglo Lot Sudut


TASKA DI RUMAH BANGLO LOT TENGAH dipertimbangkan sekiranya:


- Jalan keluar masuk ke lot berkenaan adalah dari jalan susur dan tidak terus dari jalan utama.
- Mempunyai keluasan lot yang cukup besar dengan kelebaran bukaan (frontage) **tidak kurang 60 kaki**.



Pelan Susunatur Perumahan Berkembar


(Rumah Berkembar Lot Sudut dibenarkan untuk aktiviti Taska)




 Rumah Berkembar Lot Sudut



Pelan Susunatur Perumahan Teres (Rumah Teres Lot Sudut dibenarkan untuk aktiviti Taska)



 Rumah Teres Lot Sudut

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.3 Jenis Premis Yang Dibenarkan

Bil	Jenis Bangunan	Penerangan
2	Bangunan bukan kediaman (Free Standing Building)	<ul style="list-style-type: none">i. Bangunan kompleks membeli belahii. Bangunan pejabatiii. Bangunan masjid/ surau/ madrasah/ rumah ibadat bukan Islam.*iv. Bangunan Institusi. *v. Bangunan dewan orang ramai/ dewan serbaguna.vi. Bangunan khusus dalam kawasan industri. <p>*Kelulusan perancangan berasingan tidak diperlukan bagi menjalankan Taska memandangkan aktiviti ini adalah aktiviti sokongan (ancillary) kepada kegunaan keagamaan/institusi.</p>



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.3 Jenis Premis Yang Dibenarkan

Bil	Jenis Bangunan	Penerangan
3	Kedai pejabat / rumah kedai	<p>i. Dibenarkan di zon gunatanah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Zon Perdagangan• Zon Perdagangan Tempatan <p>ii. Menyediakan tangga keselamatan kedua dalam sempadan lot.</p> <p>iii. Menyediakan 2 petak tempat letak kereta khusus di hadapan premis untuk tujuan menurun dan mengambil kanak-kanak.</p>



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.4 Had Ketinggian Yang Dibenarkan

Bil	Jenis Bangunan	Had Ketinggian Dibenarkan	Penerangan
1.	Kediaman Bertingkat	Sehingga tingkat 2	<ul style="list-style-type: none"> i. Sehingga tingkat 2 ii. Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).
2.	Rumah Kedai/ Kedai Pejabat	Sehingga tingkat 2	<ul style="list-style-type: none"> i. Sehingga tingkat 2 ii. Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).
3.	Bangunan Bertingkat Bukan Kediaman	Sehingga 18 meter atau kira-kira tingkat 5	<ul style="list-style-type: none"> i. Taska dibenarkan beroperasi sehingga 18 meter atau kira-kira tingkat 5 sekiranya dilengkapi dengan sistem semburan air automatik (sprinkler system). ii. Sehingga tingkat 3 sahaja sekiranya tidak dilengkapi sistem semburan air automatik. iii. Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).
4.	Bangunan masjid/ surau/ madrasah/ rumah ibadat bukan islam/ dewan orang ramai/ dewan serbaguna	Sehingga tingkat 2	<ul style="list-style-type: none"> i. Sehingga tingkat 2 ii. Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.5 Lokasi/ Premis Yang Tidak Dibenarkan

- i. Terletak di jalan utama.
- ii. Terletak di jalan mati.
- iii. Terletak di persimpangan utama yang sesak termasuk persimpangan lampu isyarat.
- iv. Terletak di kawasan terpencil (contoh: premis yang menghadap kawasan hutan/belukar).
- v. Unit-unit kediaman di dalam blok-blok rumah pangsapuri/ pangsapuri servis/ SOHO.
- vi. Ruang lantai di tingkat bawah tanah.
- vii. Ruang lantai di tingkat tempat letak kereta.
- viii. Ruang lantai berdekatan dengan ruang utiliti.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.6 Keperluan Rekabentuk

- i. Menyediakan sekurang-kurangnya dua tangga keselamatan bagi Taska yang beroperasi melebihi satu tingkat di bangunan bertanah. Penyediaan tangga ini hendaklah mematuhi kehendak berikut:
 - Mematuhi anjakan minimum
 - Laluan ke tangga keselamatan perlu melalui common area
- ii. Mempunyai tandas lelaki dan perempuan yang berasingan.
- iii. Mempunyai ruang belajar, ruang rehat, dapur dan bilik pesakit yang khas.
- iv. Mempunyai ruang permainan kanak-kanak yang mencukupi (ruang lega).
- v. Mempunyai ruang pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi.
- vi. Mematuhi keperluan rekabentuk sejagat (*universal design*) seperti berikut:
 - Hendaklah diterapkan reka bentuk sejagat dan bahan binaan dalaman yang sesuai dengan keadaan fizikal kanak-kanak.
 - Hendaklah direka bentuk laluan kecemasan yang sesuai dengan keadaan fizikal kanak-kanak, terutamanya tangga dan susur tangga kedua (*secondary handrail*) yang lebih rendah yang diguna oleh kanak-kanak.
 - Hendaklah disediakan ruang permainan (*play area*) di dalam bangunan atau mana-mana kawasan terbuka di bangunan tersebut. Ruang ini hendaklah mendapat cahaya matahari terus (*direct sun light*) yang mencukupi.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

7.7 Pandangan Pemilik Berdampingan

- i. Tidak mendapat bantahan keras yang berasas dari majoriti pemilik-pemilik lot berdampingan.

7.8 Lain-lain Kehendak

- i. Mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985.
- ii. Mematuhi kehendak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iii. Mematuhi kehendak BOMBA.
- iv. Mematuhi kehendak Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

8.0 MAKLUMAN MENGENAI KEHENDAK BILANGAN KANAK-KANAK OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

8.1 Bilangan Kanak-Kanak

- i. Bilangan kanak-kanak yang dibenarkan adalah **1 orang bagi setiap 3.5 meter persegi**.
- ii. Dalam mengira ruang lantai minima yang dikehendaki bagi tiap-tiap kanak-kanak Taska, hanya keluasan ruang bilik-bilik darjah sahaja dikira.
- iii. Luas mana-mana jalan, laluan, bilik stor, dapur, pejabat, kemudahan tandas atau mana-mana kawasan lain dalam lingkungan bangunan yang tidak sesuai bagi maksud itu, hendaklah tidak dimasukkan.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

8.2 Keperluan Tandas

- i. Hendaklah berasingan bagi murid-murid lelaki dan perempuan.
- ii. Peralatan dan rekabentuk tandas:-
 - Bagi kemudahan bersuci, 'elbow tap' mesti disediakan.
 - Lantai tandas hendaklah sentiasa bersih, tidak licin dan tidak bertakung.
 - Sediakan tempat pemegang (railing) untuk kanak-kanak cacat. Mangkuk tandas tidak melebihi 6 inci tinggi dari lantai.
 - Besen mencuci tangan hendaklah rendah.
 - Lain-lain peralatan yang sesuai (sekiranya ada kanak-kanak cacat).

8.3 Kemudahan Belajar dan Rekreasi

- i. Hendaklah diasingkan.
- ii. Sediakan kawasan permainan yang lengkap dengan alat-alat permainan yang tidak merbahaya.

8.4 Tempat Rehat Kanak-Kanak Sakit

- i. Satu ruang berasingan hendaklah disediakan bagi kanak-kanak yang kurang sihat.
- ii. Sediakan kotak perubatan kecemasan.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

8.5 Dapur dan Penyediaan Makanan

- i. Dapur hendaklah mempunyai pintu yang tidak mudah dibuka dan dimasuki oleh kanak-kanak.
- ii. Alat-alat yang digunakan untuk menyediakan makanan hendaklah bersih.
- iii. Tempat makan yang bersih hendaklah disediakan.
- iv. Dapur hendaklah terpisah daripada bilik-bilik darjah atau kawasan yang diasingkan untuk aktiviti-aktiviti kanak-kanak.
- v. Tempat setor bahan-bahan makanan mestilah bersih dan selamat.
- vi. Kanak-kanak tidak boleh dibenarkan masuk ke dalam dapur dan setor pada setiap masa.

8.6 Kemudahan Kecemasan/ Keselamatan

- i. Bagi rumah teres/berangkai perlu ada dua pintu keluar masuk yang berasingan.
- ii. Semua pintu dan tingkap di tingkat atas bangunan tidak boleh dipasang pagar besi (grills).
- iii. Semua pintu dan tingkap mestilah mudah dibuka dari dalam.
- iv. Tingkap dari jenis 'louvres' tidak dibenarkan.
- v. Semua punca kuasa (power point) hendaklah dipasang dengan plug kosong dan berkedudukan di paras tinggi.
- vi. Lampu meja berkaki tidak dibenarkan.
- vii. Pintu pagar dan 'grill' tingkat bawah hendaklah dari jenis yang tidak tajam dan merbahaya.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

9.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

i. Tangga Bangunan Taska

- Hendaklah selamat untuk kegunaan kanak-kanak.
- Tangga kayu/stair case dan tangga batu hendaklah dialas dengan permaidani atau bahan lembut.
- Hendaklah dipasang dengan pemegang (railing) yang tingginya sesuai dengan ketinggian kanak-kanak.
- Bagi premis yang perlu menyediakan tangga kedua (lazimnya atas keperluan Bomba) hendaklah berada sepenuhnya dalam tapak premis dan mematuhi keperluan anjakan.

ii. Telefon

- Tiap-tiap taska hendaklah mempunyai kemudahan telefon untuk kegunaan harian dan masa kecemasan.

iii. Kawasan Lapang

- Semua lubang dan 'man-hole' di kawasan lapang hendaklah diratakan dan ditutup.

iv. Tanaman dan Pokok-Pokok

- Tanaman dan pokok-pokok yang ditanam hendaklah dari jenis tidak merbahaya.
- Pokok-pokok jenis berduri, beracun dan bermiang hendaklah dielakkan.
- Pokok-pokok jenis rendang digalakkan di tanam di kawasan lapang.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

v. Parit-Parit Terbuka

- Semua parit-parit terbuka di bahagian hadapan terutama di tempat kanak-kanak menunggu bas hendaklah ditutup untuk keselamatan kanak-kanak.
- Semua parit di kawasan lapang/permainan mesti ditutup.

vi. Pagar Keselamatan

- Hendaklah dibina di sekeliling kawasan Taska.
- Pintu pagar hendaklah ditutup untuk keselamatan kanak-kanak.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENUBUHAN TASKA (EDISI 2020)

10.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 29 September 2020.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja